

# Lembaga Pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim	<i>Pengerusi</i>
Y Bhg Dato' Azlan Hashim	<i>Timbalan Pengerusi</i>
Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman (dilantik pada 1 April 2004)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (dilantik pada 16 April 2004)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Izhah Mahmud (dilantik pada 16 Oktober 2003)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain (dilantik pada 16 April 2004)	<i>Pengarah</i>
Encik Cheah Tek Kuang	<i>Pengarah</i>
Encik Soo Kim Wai	<i>Pengarah</i>
Puan Shalina Azman (dilantik pada 16 Oktober 2003)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim (meletak jawatan pada 19 Disember 2003)	<i>Pengarah</i>
Y Bhg Dato' Malek Merican (meletak jawatan pada 6 Mei 2004)	<i>Pengarah</i>

# Maklumat Korporat

## PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 22  
Bangunan AmBank Group  
55 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
Malaysia  
No. Telefon: 03-2078 2633/44/55  
No. Faks: 03-2031 6453  
Teleks: MA 31167 & 31169 ABMAL  
Kabel: ARABMAL

## PENDAFTAR

Symphony Share Registrars Sdn Bhd  
(dahulu dikenali sebagai Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd)  
Tingkat 26  
Menara Multi Purpose  
Capital Square  
No. 8 Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur  
Malaysia  
No. Telefon: 03-2721 2222  
No. Faks: 03-2721 2530

## JURUAUDIT

Tetuan Deloitte KassimChan  
Akauntan Berkanun

## BANK UTAMA

AmBank Berhad

## PENYENARAIAH BURSA SAHAM

Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad  
(13.02.92)

## LAMAN WEB

[ambg.com.my](http://ambg.com.my)

Sila e-mel komen dan pertanyaan anda ke:

[gpa@ambg.com.my](mailto:gpa@ambg.com.my)



## SETIAUSAHA KUMPULAN SYARIKAT

Ravindra Kumar Thambimuthu

*LL B (Melbourne)*

*LL B (Hons)*

*LL M (London)*

*Dip Air & Space Law (London)*

# Profil Para Pengarah

## **Y BHG TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**

*Pengerusi Eksekutif sehingga 30 Jun 2004*

*Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif bermula pada 1 Julai 2004*

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, warganegara Malaysia, berumur 65 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 1991 dan merupakan Pengerusi AMMB Holdings Berhad (AHB) sejak 1991. Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif AHB dari 1 April 2002 hingga 30 Jun 2004. Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Syarikat dan berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat.

Beliau juga ialah Pengerusi beberapa subsidiari AHB, iaitu AMFB Holdings Bhd, AmFinance Bhd, AmMerchant Bank Bhd, AmBank Bhd, Arab-Malaysian Credit Bhd, AmProperty Trust Management Bhd dan AmAssurance Bhd.

Tan Sri Dato' Azman, seorang Akauntan Berkanun, dan Ahli Utama Institute of Chartered Accountants dan Ahli Utama Institute of Chartered Secretaries and Administrators, telah berkecimpung dalam industri perbankan sejak 1960 bila beliau menyertai Bank Negara Malaysia dan berkhidmat sehingga 1964. Beliau merupakan Akauntan Berkanun di Azman Wong Salleh dan Co. dari 1964 hingga 1971. Selepas itu beliau menyertai Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad dari 1966 hingga 1980 dan merupakan Pengarah Eksekutifnya dari 1971 hingga 1980. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad, sebuah subsidiari Malayan Banking Bhd, dari 1980 hingga April 1982 apabila beliau mengambilalih AmMerchant Bank Bhd.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Eksekutif Arab-Malaysian Corporation Bhd dan Pengerusi AMDB Bhd, RCE Capital Bhd, Malaysian South-South Corporation Bhd, MCM Technologies Bhd dan Pembangunan MasMelayu Bhd. Beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Cagamas Bhd dan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia, Perbadanan Produktiviti Negara, Majlis Perniagaan Asia Timur dan Pacific Basin Economic Council Malaysia dan Presiden Malaysia South-South Association, Malaysia-Japan Economic Association, Kelab Sahabat Penjara Malaysia dan Majlis Perniagaan Non-Aligned Movement. Beliau merupakan Ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC, The Trilateral Commission (Kumpulan Asia-Pasifik), Majlis Perniagaan Malaysia British, Majlis Perniagaan Malaysia-China, dan Kumpulan Penasihat Perniagaan UNESCAP. Beliau juga ialah Ketua Mesyuarat Ahli-ahli Perniagaan ASEAN-Jepun (Jawantankuasa Malaysia, Keizai Doyukai), Penaung Persatuan Sukan Berkuda Lasak Malaysia dan adalah salah seorang dari Lembaga Penasihat Pusat AIM untuk Tanggungjawab Sosial Korporat.



## Y BHG DATO' AZLAN HASHIM

Timbalan Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Y Bhg Dato' Azlan Hashim, warganegara Malaysia, berumur 62 tahun, menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Februari 1992 dan adalah Timbalan Pengerusi AHB sejak 1992. Beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Informasi Teknologi Kumpulan dan Pencalonan, dan ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Ganjaran dan Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat.

Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi beberapa subsidiari AHB, termasuk AMFB Holdings Bhd, AmProperty Trust Management Bhd dan AmAssurance Bhd, dan memegang jawatan Pengerusi di AmSecurities Sdn Bhd dan AmInternational (L) Ltd.

Dato' Azlan berkhidmat dengan Keretapi Tanah Melayu dari 1966 hingga 1971, dan bertugas sebagai Ketua Akauntan selama dua tahun. Pada tahun 1972, beliau menjadi Rakan Kongsi di firma perakaunan awam, Azman Wong Salleh & Co., dan ialah Rakan Kongsi Kanan di firma tersebut sebelum menyertai Lembaga AMDB Bhd pada 1982.

Pada masa ini, Dato' Azlan ialah Naib Pengerusi Eksekutif Arab-Malaysian Corporation Bhd. Beliau juga berkhidmat di Lembaga Pengarah AMDB Bhd, Metrod (M) Bhd, Paramount Corporation Bhd, Sapura Motors Bhd, Kesas Holdings Bhd, Kumpulan Perangsang Selangor Bhd, Syarikat Permodalan & Perusahaan Selangor Bhd dan Global Carriers Bhd.

Dato' Azlan ialah Ahli Utama Institute of Chartered Accountants (Ireland), Economic Development Institute (Bank Dunia, Washington D.C. Amerika Syarikat) dan Institut Bank-Bank Malaysia, dan juga seorang Akauntan Awam Bertauliah.



## Y A BHG TUN MOHAMMED HANIF OMAR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan

Y A Bhg Tun Mohammed Hanif Omar, warganegara Malaysia, berumur 65 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 6 Mei 1994 dan merupakan ahli Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat. Beliau juga ialah pengarah AMFB Holdings Berhad dan AmFinance Berhad.

Beliau ialah bekas Inspektor-Jeneral Pasukan Polis Malaysia selama 20 tahun sehingga beliau bersara pada Januari 1994. Tun Mohammed Hanif pada masa ini juga ialah Pengerusi Park May Bhd dan General Corporation Bhd, Timbalan Pengerusi Genting Bhd dan Resorts World Bhd, dan Pengarah Fullmark Manufacturing Bhd. Beliau ialah Presiden Malaysian Institute of Management sejak 2002.

Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya, Singapura pada 1959, Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Buckingham University, United Kingdom pada 1986 dan Sijil Amalan Undang-Undang (Kepujian) daripada Lembaga Kelayakan Undang-Undang pada 1987.







#### **Y BHG PROF TAN SRI DATO' DR MOHD RASHDAN HAJI BABA**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba, warganegara Malaysia, berumur 68 tahun, menyertai Lembaga Pengarah pada 22 Jun 1996. Beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, dan Ganjaran, dan ahli Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Beliau juga ialah Pengarah AmMerchant Bank Bhd, AmBank Bhd dan lain-lain syarikat termasuk Arab-Malaysian Corporation Bhd, Unisem (M) Berhad dan Computer System Advisers (M) Berhad.

Sebelum ini, Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad dari 1982 hingga 1987 dan Telekom Malaysia Berhad dari 1987 hingga 1995.

Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan menerima Ijazah Sarjana Muda Sains daripada University of Reading (UK) dan kemudian memperolehi PhD daripada University of Leeds.

#### **Y BHG TAN SRI DATUK DR ARIS OTHMAN**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman, warganegara Malaysia, berumur 59 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AHB dan subsidiarinya, AmMerchant Bank Berhad pada 1 April 2004.

Tan Sri Datuk Dr Aris pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dari 1966 hingga 1986. Dari 1989 hingga 1999, Tan Sri Datuk Dr Aris berada dengan Kementerian Kewangan dimana beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Kumpulan Asia Tenggara) Bank Dunia dari 1991 hingga 1994 dan Ketua Setiausaha kepada Perbendaharaan dari 1998 hingga pertengahan tahun 1999. Ini diikuti pula dengan karier dalam perbankan di mana beliau menyandang jawatan-jawatan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Beliau pada masa ini ialah Pengerusi Malaysia Airports Holdings Bhd.

Tan Sri Datuk Dr Aris memperolehi PhD dalam Ekonomi Pembangunan dan Sarjana Sastera dalam Ekonomi Politik kedua-dua daripada Boston University, Sarjana Sastera dalam Ekonomi Pembangunan daripada Williams College, Massachusetts dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi Analitis daripada Universiti Malaya.





## Y BHG TAN SRI DATUK CLIFFORD FRANCIS HERBERT

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, warganegara Malaysia, berumur 62 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AHB pada 16 April 2004.

Tan Sri Datuk Clifford menyertai perkhidmatan sivil Malaysia pada 1964 sebagai Penolong Setiausaha di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Dari tahun 1968 hingga 1975, beliau adalah bekas Penolong Setiausaha di Unit Pentadbiran Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, Tan Sri Datuk Clifford berkhidmat di Kementerian Kewangan dari 1975 hingga 1997, yang berakhir dengan beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha kepada Jabatan Perbendaharaan. Beliau pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah beberapa badan bukan untung dan syarikat-syarikat awam berkaitan kerajaan.

Pada masa ini, Tan Sri Datuk Clifford adalah Pengerusi Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Resorts World Berhad, AmMerchant Bank Berhad dan AmBank Berhad. Tan Sri Clifford juga terlibat dalam beberapa badan-badan kebajikan.

Tan Sri Datuk Clifford memegang Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Pittsburgh dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya.



## Y BHG DATO' IZHAM BIN MAHMUD

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Y Bhg Dato' Izhah bin Mahmud, warganegara Malaysia, berumur 63 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AHB pada 16 Oktober 2003. Beliau ialah ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Pencalonan dan Ganjaran Syarikat.

Dato' Izhah menyertai perkhidmatan awam Malaysia pada 1965 dan berkhidmat selama hampir satu dekad, terutamanya di Perbendaharaan Persekutuan. Karier beliau dalam pengurusan bank saudagar bermula pada 1974 dengan Aseambankers Malaysia Berhad, dimana beliau kemudian memegang jawatan Pengarah Urusan untuk lebih 17 tahun.

Pada masa ini beliau ialah Pengerusi Eksekutif kumpulan syarikat-syarikat Delcom Services Sdn Bhd. Jawatan-jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam pada masa ini termasuk AmMerchant Bank Berhad, Pearl Island Country Club Bhd, CNLT (Far East) Bhd, and Kinta Kellas Public Limited Company.

Beliau memperolehi Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi daripada Queen's University, Belfast, Ireland Utara dan Sarjana Sastera dalam Pembangunan Ekonomi daripada Vanderbilt University, USA.





### **Y BHG DATO' MOHD IBRAHIM BIN MOHD ZAIN**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Y Bhg Dato' Mohd Ibrahim bin Mohd Zain, warganegara Malaysia, berumur 61 tahun, telah menyertai Lembaga Pengarah pada 16 April 2004.

Pada tahun 1965 selepas menamatkan pengajian, beliau menyertai Universiti Teknologi Mara sebagai pensyarah. Kemudian, beliau dilantik ke jawatan Pengarah yang beliau sandang sehingga hari ini. Sepanjang kerjaya beliau di dalam bidang perbankan, beliau telah menyandang jawatan-jawatan sebagai Ketua Eksekutif Amanah International Finance Bhd, Amanah Chase Merchant Bank Bhd, serta Oriental Bank Bhd, dan Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd. Beliau juga ialah bekas Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Setron (Malaysia) Bhd. Beliau merupakan bekas ahli pengarah Penang Regional Development Authority dan Perbadaan Kemajuan Pelancongan.

Pada masa ini beliau adalah Pengerusi Pan Malaysia Holdings Bhd, Pan Malaysia Capital Bhd dan Chemical Company of Malaysia Bhd, dan Timbalan Pengerusi Metrojaya Bhd. Jawatan-jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Pan Malaysian Industries Bhd, dan K & N Kenanga Holdings Bhd.

Dato' Mohd Ibrahim berkelulusan dari British Institute of Management dan Institute of Marketing di United Kingdom, dan memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Ohio.

### **ENCIK CHEAH TEK KUANG**

*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

Encik Cheah Tek Kuang, warganegara Malaysia, berumur 57 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 14 Januari 1994 dan merupakan ahli Jawatankuasa Informasi Teknologi Kumpulan Syarikat.

Beliau pada masa ini ialah Pengarah Urusan Kumpulan AmMerchant Bank Bhd dan subsidiari-subsidiarinya. Beliau juga ialah Pengarah beberapa subsidiari AHB, termasuk AMFB Holdings Bhd, AmBank Bhd dan AmFinance Bhd.

Beliau telah berkhidmat dengan AmMerchant Bank Bhd sejak 1978. Encik Cheah pernah bertugas di bahagian Kewangan Korporat dan bahagian Pengurusan Bank sehingga 1987. Beliau telah menyandang beberapa jawatan selama berkhidmat dengan Bank. Pada tahun 1994, beliau dinaikkan pangkat ke Pengarah Urusan dan menjadi Pengarah Urusan Kumpulan berkuatkuasa dari Januari 2002. Sebelum ini, beliau berkhidmat dengan Lembaga Kemajuan dan Perindustrian Malaysia. Beliau pada masa ini juga ialah Pengarah Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Bhd, dan Pengerusi Pengganti Persatuan Bank-Bank Saudagar Di Malaysia.

Encik Cheah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan merupakan Ahli Utama Institut Bank-Bank Malaysia.







### **MR SOO KIM WAI**

*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

---

Encik Soo Kim Wai, warganegara Malaysia, berumur 43 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 4 Oktober 2002.

Beliau pada masa ini ialah Pengarah Urusan Arab-Malaysian Corporation Bhd. Beliau juga adalah salah seorang ahli Lembaga Pengarah RCE Capital Bhd dan MCM Technologies Bhd. Encik Soo juga memegang jawatan pengarah dalam syarikat-syarikat sendirian berhad.

Encik Soo menyertai Arab-Malaysian Corporation Bhd pada 1989 sebagai Pengurus Kanan, Kewangan dan telah memegang beberapa jawatan sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang. Sebelum itu, beliau pernah bertugas dengan Plantation Agencies Sdn Bhd dari 1985 hingga 1989, dan berkecimpung di dalam bidang perakaunan selama lima tahun di Deloitte KassimChan dari 1980 sehingga 1985.

Encik Soo ialah seorang Akauntan Berkanun (Institut Akauntan Malaysia) dan Akauntan Awam Bertauliah (Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia).



### **PUAN SHALINA AZMAN**

*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

---

Puan Shalina Azman, warganegara Malaysia, berumur 37 tahun, telah menyertai Lembaga Pengarah pada 16 Oktober 2003.

Puan Shalina mula-mula memperolehi pengalaman yang berharga di dalam industri media bila beliau bertugas sebagai Pegawai Perkembangan Perniagaan dengan RCE Capital Bhd (dahulu dikenali sebagai Rediffusion Berhad) pada 1990. Dari tahun 1995 hingga 1999 beliau memegang jawatan Pengurus Kanan di bahagian Perancangan Korporat Arab-Malaysian Corporation Berhad. Beliau menyertai semula RCE Capital Berhad pada Januari 2000 sebagai Pengarah Eksekutif. Kemudian beliau dilantik menjadi Pengarah Urusan pada 1 September 2000 hingga 31 Julai 2002, sebelum beliau memegang jawatan kini sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Arab-Malaysian Corporation Bhd. Beliau kekal sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif RCE Capital Bhd sehingga sekarang. Beliau juga ialah Pengarah MCM Technologies Bhd dan lain-lain syarikat sendirian berhad.

Beliau ialah pemegang Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Kewangan dan Ekonomi daripada Chapman University, California dan pada 1993, beliau memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Hull, United Kingdom.



## Y BHG DATO' MOHD TAHIR HAJI ABDUL RAHIM

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Pengarah dari 12 Februari 1992 hingga 19 Disember 2003)

Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim, warganegara Malaysia, berumur 72 tahun, adalah bekas Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat. Beliau adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan Syarikat. Beliau juga telah berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Ganjaran dan Pencalonan Syarikat.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah AmMerchant Bank Bhd, AmBank Bhd, AMFB Holdings Bhd dan AmFinance Bhd.

Karier beliau bermula dengan Perkhidmatan Awam Johor sebagai Penolong Pegawai Daerah, Mersing pada 1957 dan kemudian dengan Perkhidmatan Awam Malaya sehingga 1966. Kemudian beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sehingga 1975. Dato' Mohd Tahir memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya, Singapura.

## Y BHG DATO' MALEK MERICAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Pengarah dari 15 Ogos 1991 hingga 6 Mei 2004)

Y Bhg Dato' Malek Merican, warganegara Malaysia, berumur 70 tahun, mula-mula menyertai Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Beliau berkhidmat dengan Perbendaharaan Malaysia selama 15 tahun dari 1958 dan akhirnya sebagai Timbalan Setiausaha-Jeneral bahagian Kewangan, Ekonomi dan Pencukaian. Diantara 1969 dan 1971, beliau dipinjam sebagai Pengarah Eksekutif Pengganti mewakili 10 negara di Lembaga Pengarah Tabung Kewangan Antarabangsa. Beliau memegang jawatan Timbalan di Aseambankers Malaysia Berhad dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan dari 1974 hingga 1979. Sebelum beliau menyertai AmMerchant Bank Bhd pada 1982, beliau adalah Pengarah Kumpulan bahagian Kewangan Korporat dan Perancangan Sime Darby Berhad. Beliau meletak jawatan sebagai Pengarah Urusan AmMerchant Bank Bhd pada November 1989 dan berkhidmat sebagai Naib Pengerusi Malayan United Industries Berhad dan Pengarah Urusan MUI Bank Berhad sehingga 1990. Dato' Malek menyertai semula Lembaga Pengarah AmMerchant Bank Bhd pada Mei 1990 dan berkhidmat sehingga Mei 2004.

Beliau pada masa ini berkhidmat sebagai pengarah Pheim Emerging (M) Bhd dan Pheim Unit Trusts Bhd.

Dato' Malek ialah lepasan Cambridge University dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dan Ijazah Sarjana Muda Sastera Ekonomi daripada Oxford University, United Kingdom.

*Tiada mana-mana Pengarah-pengarah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Pengarah lain atau pemegang saham terbesar Syarikat selain daripada seperti yang dibentangkan disini.*

*Tan Sri Dato' Azman Hashim dan Dato' Azlan Hashim adalah adik-beradik. Puan Shalina Azman adalah anak kepada Tan Sri Dato' Azman Hashim. Tan Sri Dato' Azman Hashim ialah Pengerusi Eksekutif dan dianggap mempunyai kepentingan sebagai pemegang saham terbesar Arab-Malaysian Corporation Bhd yang merupakan pemegang saham terbesar AHB. Tan Sri Dato' Azman Hashim adalah pengarah Slan Sdn Bhd dan Ginagini Sdn Bhd yang merupakan syarikat milik keluarga beliau. Kedua-dua syarikat tersebut dianggap mempunyai kepentingan sebagai pemegang saham terbesar AHB melalui kepentingan mereka dalam Arab-Malaysian Corporation Bhd. Dato' Azlan Hashim ialah Naib Pengerusi Eksekutif, sementara Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan adalah pengarah dan Encik Soo Kim Wai adalah Pengarah Urusan Arab-Malaysian Corporation Bhd. Puan Shalina Azman merupakan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Arab-Malaysian Corporation Bhd.*

*Tiada mana-mana Pengarah-pengarah disabitkan dengan kesalahan dalam jangkamasa 10 tahun yang lepas. Tiada mana-mana Pengarah-pengarah mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat selain daripada yang diumumkan atau dibentangkan dalam Nota 37 Penyata Kewangan dibawah "Baki Dan Urus Niaga Penting Dengan Pihak-Pihak Berkaitan".*




**CHEAH TEK KUANG**  
Pengarah Urusan Kumpulan,  
AmMerchant Bank Berhad



**MOHAMED AZMI MAHMOOD**  
Pengarah Urusan,  
AmFinance Berhad



**Y BHG DATO' JAMES LIM CHENG POH**  
Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan,  
AmBank Berhad



◀ **MUSTAFA MOHD NOR**  
Pengarah Urusan,  
AmSecurities Sdn Bhd



**NG LIAN LU** ▶  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
AmAssurance Berhad

# Pengurusan



**KOK TUCK CHEONG**  
Pengarah Eksekutif,  
AmMerchant Bank Berhad



**PHILIP CHANG**  
Pengarah Eksekutif,  
AmSecurities Sdn Bhd



**MAHDI MURAD**  
Pengarah Eksekutif,  
AmFinance Berhad



**SIM HOW CHUAH**  
Pengurus Besar Kanan,  
AmBank Berhad



**KAMALUL ARIFIN  
OTHMAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
AmProperty Trust  
Management Berhad